

Hakisan di pantai Johor kritikal

20,000 penduduk di 20 kampung bakal terancam



Mohamed Farid Noh

bhnew@bharian.com.my

RATUSAN hektar kawasan rendah di sepanjang jajaran pantai Johor bermula dari Pontian hingga ke Muar mungkin lenyap dari peta tidak lama lagi berikutan masalah hakisan yang semakin kritikal.

Sehingga kini, lebih 237.7 kilometer dari 492km garis pantai Johor mengalami hakisan serius dengan hutan paya bakau di kawasan berkenaan musnah.

Unjuran yang dibuat Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) menunjukkan, kawasan hakisan di Tanjung

Piai, Pontian akan musnah akibat hakisan serius menjangkau sebanyak 81.22 meter lebar pantai menyebabkan kepadatan pokok bakau di kawasan berkenaan berkurangan sebanyak 50 peratus menjelang 2014, sekali gus menyebabkan statusnya sebagai kawasan penghujung benua Asia, terjejas.

Namun, kawasan paling teruk terjejas akibat hakisan di negeri ini adalah jajaran pantai di daerah Batu Pahat bermula dari Rengit sehingga ke Minyak Beku apabila pantai di kawasan berkenaan hampir lenyap sepenuhnya sehingga paras air laut kini semakin tinggi daripada daratan.

Ia menyebabkan sesetengah kawasan berkenaan khususnya berhampiran penempatan penduduk perlu sentiasa ditambak batuan granit secara berkala yang berfungsi sebagai tembok atau dinding bagi menghalang air laut menenggelamkan kawasan berkenaan.

Hakisan berkenaan kini mengancam 20,000 penduduk di 20 kampung di sepanjang kawasan jajaran pantai berkenaan yang mungkin terpaksa berpindah terus ke kawasan lain berikutan sedikit demi sedikit tanah mereka sudah dimamah lautan di samping paras air laut yang semakin tinggi.

Mengikut kajian yang dijalankan UTHM, hakisan di kawasan jajaran pantai berkenaan 'memamah' antara lima hingga tujuh meter kawasan pantai dan tanah penduduk di situ, setiap tahun.

Malah, Tinjauan *Berita Harian* bersama pakar alam sekitar UTHM di kawasan jajaran pantai daerah berkenaan mendapati hakisan di kawasan itu semakin kritikal dan sudah memamah antara 150 hingga 200 meter kawasan yang sebelum ini tidak terjejas hakisan.

Penyelidik di Jabatan Kejuruteraan Air dan Persekitaran, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar, Ismail Ibrahim serta Pensyarah Kanan fakulti sama, Dr Tan Lai Wai, yang turun padang dalam tinjauan berkenaan, turut merekodkan kesan terbaru hakisan berkenaan, bagi membuat analisa lanjut.

Ismail berkata, kajian dan laporan mengenai tahap hakisan kritikal di kawasan berkenaan yang dihasilkan UTHM juga sudah dihantar serta dibentangkan kepada kerajaan negeri bagi tindakan susulan.

"Berdasarkan kajian, UTHM mencadangkan supaya kerajaan negeri membina tembok pemecah ombak di dalam laut iaitu antara 300 hingga 500 meter daripada kawasan tebing atau jajaran pantai di sini bagi mengurangkan kekuatan ombak sekaligus menghalang hakisan berterusan.

"Penggunaan tembok atau dinding batuan granit yang sentiasa ditambak sebagai penyelesaian sementara seterusnya mengelakkan air laut daripada menenggelamkan kawasan daratan di sini, sebenarnya tiada kos efektif, malah tidak menyelesaikan pun masalah hakisan



ISMAL bersama Lai Wan mengkaji kesan pokok bakau yang terjejas ketika tinjauan di pantai Tanjung Labuh, Batu Pahat, baru-baru ini.

yang semakin kritikal.

"Malah tinjauan dilakukan hari ini mendapati hakisan semakin membimbangkan apabila ia menghampiri kawasan penempatan penduduk dengan kawasan yang tidak terjejas hakisan enam bulan lalu, kini sudah terjejas sehingga 150 meter dalam tempoh setengah tahun," katanya.

Sementara itu, Dr Lai Wai berkata, jika hakisan berterusan mengikut kadar sekarang tanpa sebarang langkah penyelesaian konkrit, dibimbangi jajaran pan-



Jika hakisan berterusan mengikut kadar sekarang tanpa sebarang langkah penyelesaian konkrit, dibimbangi jajaran pantai di Batu Pahat dan kawasan rendah sekitarnya akan lenyap sepenuhnya tidak lama lagi

Dr Tan Lai Wai

Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar UTHM



POKOK bakau terjejas akibat hakisan ombak di sepanjang pesisiran pantai Batu Pahat.

tai di Batu Pahat dan kawasan rendah sekitarnya akan lenyap sepenuhnya tidak lama lagi.

"Lebih penting, hakisan berkenaan sebenarnya mengancam penempatan penduduk di sini kerana laut yang semakin menghampiri kawasan penduduk, menyebabkan mereka bukan saja kehilangan tanah malah risiko penempatan mereka ditenggelami air laut kerana Batu Pahat secara amnya adalah kawasan rata dan lebih rendah berbanding aras air laut," katanya.